

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 18 JULAI 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	BioShoppe	Harian Metro
2.	Unjur jualan RM1 juta	Harian Metro
3.	BiotechCorp sasar jualan di BioShoppe RM1j	KOSMO
4.	Biotech sector exceeds investment target of RM9bil	The Star
5.	Patuhi piawaian ISO peringkat global	Harian Metro
6.	Bahan kuih guna logo halal palsu dirampas	Berita Harian
7.	Amaran angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Rammasun di Sabah	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 99  
TARIKH: 18 JULAI 2014 (JUMAAT)**

**Datuk Dr Ewon Ebin**

*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*



**Kami menggunakan Nova  
Natural Supplement and  
Skincare yang juga  
syarikat bioteknologi  
berstatus BioNexus  
sebagai platform untuk  
memasarkan produk  
bioteknologi keluaran  
tempatan”**



# Unjur jualan RM1 juta

■ MOSTI kerjasama dengan Biotech Corp pasar slot BioShoppe di Nova Natural Supplement and Skincare

Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri  
dayana@mediaprima.com.my  
Kuala Lumpur

**K**ementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotech Corp) meletakkan sasaran untuk mencapai jualan sehingga RM1 juta tahun depan untuk slot BioShoppe yang ditawarkan di kedai farmasi Nova Natural Supplement and Skincare cawangan Puchong.

Menterinya, **Datuk Dr Ewon Ebin** berkata, usaha berkenaan adalah sebahagian daripada inisiatif bagi mengkomersialkan produk bioteknologi yang disasarkan sepanjang tahun ini.

"Walaupun banyak produk bioteknologi dihasilkan syarikat tempatan namun, mereka sukar untuk mendapat ruang untuk memasarkan produk mereka kerana belum mendapat ke-



percayaan pengguna.

"Maka, kami menggunakan Nova Natural Supplement and Skincare yang juga syarikat bioteknologi berstatus BioNexus sebagai platform untuk memasarkan produk bioteknologi keluaran tempatan," katanya selepas pelancaran BioShoppe di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

Melalui inisiatif berkenaan, kira-kira 80 produk yang merangkumi makanan tambahan, kosmetik dan produk

“ Kami perlu mendapatkan keyakinan pengguna mengenai keberkesanan produk berasaskan bahan semula ”

Ewon Ebin

penjagaan diri daripada 13 syarikat BioNexus ditawarkan di Nova Natural Supplement and Skincare.

Menurutnya, sebagai permulaan pihaknya meletakkan sasaran jualan sebanyak RM200,000 sehingga hujung tahun ini dan jumlah berkenaan dijangka mencecah RM1 juta pada tahun depan.

"Untuk permulaan, kami perlu mendapatkan keyakinan pengguna mengenai keberkesanan dan fungsi produk berasaskan bahan semula jadi kerana tahap kesedaran penggunaan produk

seumpama ini masih rendah.

"Kerana itu, apa yang lebih utama adalah meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pengguna sebelum memikirkan langkah seterusnya dalam meningkatkan hasil jualan," katanya.

BioShoppe di cawangan Nova Natural Supplement and Skincare adalah yang pertama dibuka di Malaysia dan pihaknya turut meninjau untuk bekerjasama dengan syarikat BioNexus lain untuk membuka kedai berkonsep sama.

Dalam pada itu, menurutnya kementerian meletakkan sasaran untuk mengkomersialkan 60 produk bioteknologi sepanjang tahun ini dengan setakat ini kira-kira 40 produk berjaya dikomersilkan.

"Walaupun sasaran awal yang ditetapkan adalah 60 produk namun, kami yakin jumlah berkenaan akan mengatasi sasaran ditetapkan menjelang akhir tahun ini," katanya.

# Biotech Corp sasar jualan BioShoppe RM1j

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR  
norsyariza.tahir@kosmo.com.my

**PUCHONG** – Biotechnology Corporation Malaysia (Biotech Corp) mengunjurkan nilai jualan mencecah RM1 juta menjelang penghujung tahun depan bagi kedai konsep BioShoppe pertamanya yang dibuka di pusat penjagaan kesihatan Nova Natural Supplement and Skincare di sini semalam.

Biotech Corp merupakan sebuah badan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang bertanggungjawab untuk memajukan industri berasaskan bahan semula jadi menerusi syarikat-syarikat berstatus BioNexus.

Manakala BioNexus merupakan syarikat-syarikat produk berasaskan bahan semula jadi tempatan dan antarabangsa yang memenuhi kriteria insentif fiskal, geran dan jaminan yang dipantau oleh Biotech Corp.

Ketua Pegawai Eksekutif Biotech Corp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, pihaknya yakin dengan pelaburan tersebut ekoran pertumbuhan bagi syarikat-syarikat berstatus BioNexus di negara ini yang mencecah nilai RM1.17 bilion dari segi perolehan pada tahun 2013.

“Menerusi Nova Natural Supplement and Skincare yang merupakan salah satu daripada syarikat berstatus BioNexus, produk-produk berasaskan bahan semula jadi yang dihasilkan syarikat-syarikat tersebut akan dapat



EWON (tengah) mendengar penerangan produk kesihatan daripada Mohd. Nazlee (kanan) sambil diperhatikan oleh Nyie Lin (kiri) pada Majlis Pelancaran BioShoppe@Nova di IOI Mall Puchong semalam.

diperluaskan kadar penembusannya di pasaran.

“Ia sekali gus dapat mengkomersialkan produk-produk berasaskan bahan semula jadi dan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan bagi menjadikan 2014 sebagai tahun pengkomersialan bagi industri tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran kedai konsep BioShoppe di IOI Mall di sini, yang dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin.

Turut hadir Pengarah Urusan Nova Laboratories Sdn. Bhd., Phang Nyie Lin.

Menurut Mohd. Nazlee, sehingga kini terdapat 40 produk di bawah syarikat-syarikat bertaraf BioNexus yang telah dikomersialkan menerusi kajian dan pembangunan (R&D).

“Dengan lebih banyak R&D yang akan dijalankan beserta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan, kami menyoalkan angka ini dapat ditingkatkan ke 60 produk menjelang penghujung tahun depan,” ujarnya.

Kedai Konsep BioShoppe menawarkan lebih daripada 80 jenis produk termasuklah minuman kesihatan, kosmetik, penjagaan badan serta supplemen herba yang dipilih daripada 13 syarikat BioNexus.

## Biotech sector exceeds investment target of RM9bil

By LIZ LEE  
lizlee@thestar.com.my

**PUCHONG:** The local biotechnology industry, facilitated by Malaysian Biotechnology Corp Sdn Bhd (BiotechCorp), has accrued a total investment of RM12bil since 2011, surpassing the Government's five-year target under the National Biotechnology Policy (NBP).

The policy, currently in its second phase, had originally aimed to achieve RM9bil in investments by the end of 2015. The first five-year phase attracted RM5.4bil.

The NBP involves three phases with the first one (2005-2010) being the capacity building; the second (2011-2015) for commercialisation and the third (2016-2020) will focus on globalisation.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin said among BioNexus companies, RM3bil in investments had been pumped in since the launch of the Bioeconomy Transformation Programme in 2012, with half of the investments coming from foreign and another half from local investors.

BioNexus companies are international and local biotechnology companies that qualify for fiscal incentives, grants and guarantees administered by BiotechCorp.

"These are partners and investors from the United States, Europe, South Korea and Thailand, to name some.

"Although there are not as many foreign players investing in Malaysia, the value they invest is higher," he said at the launch of BiotechCorp's BioShoppe here.

Under the ministry's 2014 target to commercialise 60 research and development (R&D) products, establish a database platform and set up innovation galleries, Ewon said there were already 40 R&D products in the market.

"Hopefully we will exceed that target. The effort for the database and innovation galleries are ongoing, one of them being the launching of the BioShoppe," he said, adding that Malaysia was on track to become a competitive bioeconomy hub by 2020.

BiotechCorp launched its first BioShoppe in the retail outlet Nova yesterday, introducing some 80 products created by BioNexus-status companies in Malaysia.

The products range from functional beverages, cosmetics, body care and herbal supplements that were selected from 13 BioNexus companies.

Chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said the goal of the retail presence was to give smaller BioNexus players market access via more established counterparts like Nova.

Nova, which is Nova Laboratories Sdn Bhd's retail shop, has five outlets in the Klang Valley so far.

"Our projection is that through the BioShoppe network, the BioNexus companies can hit a few million ringgit in sales this year and the RM1bil mark in 2015," Nazlee said.

He added that 54% of the BioNexus companies had achieved a steady revenue stream.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 44**  
**TARIKH : 18 JULAI 2014 (JUMAAT)**

**Kuala Lumpur:** Semua aktiviti kem perkhemahan dan pengembaraan membabitkan industri ekopelancongan di negara ini perlu menepati piawaian ISO yang diiktiraf di peringkat global dalam masa terdekat.

Piawaian yang perlu ditepati itu membabitkan aspek kepentingan keselamatan, maklumat peribadi peserta dan pelatih bertauliah.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (JSM) Fadilah Baharin berkata, pihaknya berasakan sudah tiba masanya Malaysia menepati piawaian ditetapkan dalam aktiviti berkaitan supaya dapat berdiri setanding dengan negara maju yang lain.

"Kami menyedari kebimbangan ibu bapa khususnya terhadap keselamatan anak mereka yang ingin menyer-

## Patuhi piawaian ISO peringkat global



**FADILAH** (tengah) ketika sidang media Hari Pelancongan Cabaran Eco, semalam.

tai aktiviti perkhemahan di kawasan perhutanan.

"Jadi, dengan adanya piawaian baru ini ibu bapa boleh memastikan kem dianjurkan menepati standard ditetapkan kerajaan supaya boleh melepaskan anak mereka tanpa rasa risau," katanya dalam sidang media Hari Pelancongan Cabaran Eco (EAT), di sini, semalam.

Katanya, pihaknya memulakan dengan memantau aktiviti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di seluruh negara membabitkan aktiviti pengembaraan dan perkhemahan.

"Kami akan melantik badan bukan kerajaan (NGO) yang terbabit dalam industri ekopelancongan bagi memantau pengisian kem perkhemahan yang diadakan sebelum memberi menge-

luarkan sijil standard.

"Jika sebelum ini masyarakat memandang remeh aspek keselamatan hanya kerana penganjur yang sudah dikenali, namun terdapat banyak perkara lagi yang perlu diutamakan bagi kepentingan semua pihak," katanya.

Katanya, pihak penganjur sendiri perlu mengambil tahu mengenai butir peribadi peserta selaras dengan hak sebagai individu yang membayar untuk mengikuti aktiviti yang dijalankan.

"Dari segi keselamatan pula, lokasi penganjuran juga harus diselenggara seperti di bilik air, kawasan aktiviti dan banyak lagi.

"Pelatih di setiap aktiviti pengembaraan di kawasan tropika perlu melalui kursus yang melayakkan mereka melatih peserta," katanya.

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 11  
TARIKH : 18 JULAI 2014 (JUMAAT)



Mazlina bersama pegawai JAKIM menunjukkan dua logo halal palsu digunakan pada produk makanan ketika operasi di sebuah pasar raya di Taman Midah, Cheras, semalam. (FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH)



Rosiyadah (kanan) bersama pegawai JAKIM membuat pemeriksaan tanda logo halal di sebuah premis menjual bahan membuat kek di Alor Setar, semalam. (FOTO RAHMAT OTHMAN/BH)

# Bahan kuih guna logo halal palsu dirampas

» Produk dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian DNA

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Zulfaty Zulkiffli  
mnasaruddin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kira-kira 300 produk dan bahan membuat kuih yang dibekalkan oleh tiga syarikat ke seluruh negara dirampas kerana didapati menggunakan logo halal palsu serta mempamerkannya tanpa perakuan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Satu daripada syarikat yang diserbu itu beroperasi lebih 10 tahun, turut menjual dan memasarkan produk keluarannya di dua pasar raya terkenal di negara ini.

Semua produk berkenaan yang digunakan untuk membuat pastri, biskut dan kek dirampas menerusi Ops Gelatin dilakukan 15 penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kewangan (KPDNKK) Kuala Lumpur serta JAKIM, semalam.

Tiga pembekal itu adalah sebuah syarikat pembungkusan dan dua pasar raya di tiga lokasi berasingan iaitu di Taman Bukit Indah, Jalan Klang Lama; Taman Midah, Cheras serta Semeniyeh. Operasi bermula jam 11 pagi diketuai Penolong Pengarah Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan

Hab Halal JAKIM, Mazlina Jailani. Nilai rampasan dianggarkan RM500,000.

Antara yang dirampas ialah mentega, serbuk penaik, serbuk kek pelbagai perasa, tepung kek, coklat, serta barangan lain seperti agar-agar dan kekacang yang digunakan untuk membuat kuih sempena Aidilfitri.

Boleh didenda RM500,000

Mazlina berkata, tiga kertas siasatan terhadap ketiga-tiga syarikat terbabit akan dibuka mengikut seksyen 29, perintah 4, Perakuan dan Penandaan Halal, Akta Perihal Dagangan (APD) 2011. Jika sabit kesalahan, ketiga-tiganya boleh dikenakan denda sehingga RM500,000.

Katanya serbuan itu juga dilakukan hasil maklumat risikan dijalankan pihaknya sejak dua minggu lalu dan ia dilakukan bersempena Aidilfitri.

"Sebahagian besar bahan dirampas itu akan diserahkan ke Jabatan Kimia dalam masa terdekat untuk diuji sama ada kandungannya memiliki DNA babi atau tidak.

"Produk dan bahan yang dirampas didapati tidak ada sijil halal, tetapi guna logo halal. Kebanyakan sumber produknya juga tidak dapat dikenal pasti," katanya pada sidang media selepas operasi itu, di sini.

Mazlina berkata, JAKIM dan agensi terbabit akan memastikan operasi di semua premis jualan menjelang Aidilfitri bagi memastikan pengguna Islam tidak terus tertipu selain mengesahkan syarikat yang pernah diserbu kerana menjual produk yang tidak menepati piawaian si-



“Sebahagian besar bahan yang dirampas itu akan diserahkan ke Jabatan Kimia dalam masa terdekat untuk diuji sama ada kandungannya memiliki DNA babi atau tidak”

Mazlina Jailani  
Penolong Pengarah Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan Hab Halal JAKIM

jal halal JAKIM menarik semua produk di premis mereka.

Sementara itu, di Alor Setar, operasi sama dilakukan di sebuah premis menjual bahan membuat kek dan biskut termasuk produk jenama terkenal, semalam.

Dalam serbuan jam 10 pagi itu, sepasukan anggota Jabatan Agama Islam Kedah (JAIK) bersama KPDNKK dan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) membuat pemeriksaan di premis itu berdasarkan maklumat awam. Ketika itu, pelanggan yang sudah ber-

Sebahagian produk menggunakan logo halal palsu ketika serbuan di sebuah premis bakery di Jalan Klang Lama, semalam.

atur untuk membeli barangan keperluan membuat kek dan biskut terkejut apabila pihak berkuasa menutup premis itu untuk pemeriksaan lanjut.

Hasil pemeriksaan di premis tiga tingkat itu, menemui pelbagai jenis produk berasaskan mentega, tepung dan keju serta bahan lain dibungkus semula tanpa diletakkan logo halal serta alamat kilang pengeluarannya.

Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIK, Rosiyadah Ramli, berkata pemeriksaan mendapati ada dua produk disyaki menggunakan logo halal palsu.

Beliau yang mengetuai operasi itu berkata, pihaknya menyerahkan kes berkenaan kepada pihak KPDNKK yang merampas 109 bungkusan bagi dua jenis produk terbabit untuk membantu siasatan.

"Pemeriksaan juga mendapati ada sebahagian produk dibungkus semula tidak diletakkan logo halal dan alamat pengilang tetapi hanya dinyatakan tarikh luput di luar bungkusan," katanya.



## Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Berikutan Taufan Rammasun Di Sabah

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora di perairan Palawan dan Reef North yang dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan jabatan itu, keadaan tersebut disebabkan Taufan Rammasun yang dikesan 991 kilometer ke barat laut Kudat, Sabah dan sedang bergerak ke arah barat daya laut.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang bertiup selaju 40 hingga 50 km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan situasi tersebut berbahaya kepada bot-bot kecil serta rekreasi laut.

Menurut kenyataan itu lagi keadaan ribut petir di perairan Bunguran, Reef North dan Reef South pula dijangka berterusan sehingga lewat pagi esok.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang sehingga 50 km sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter yang berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA